

Peranan Ibubapa Dalam Pendidikan Anak-Anak

Ibu bapa mempunyai peranan yang sangat besar dalam mendidik anak-anak. Peranan ini bukan semata-mata memberi nafkah secara zahir seperti memberi makan atau minum, bahkan peranan mereka melebihi perkara tersebut sehingga mewujudkan kehidupan yang direndai oleh Allah s.w.t. ini berdasarkan bahawa anak merupakan amanah dari Allah s.w.t dan kedua-dua ibu bapa bertanggungjawab melaksanakan amanah tersebut. Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud "Setiap anak dilahirkan di atas fitrah, maka kedua ibubapanya yang menjadikannya Yahudi, atau Nasrani atau Majusi" Fitrah bermaksud Islam oleh itu setiap anak-anak dilahirkan sebagai seorang Muslim maka ibubapanya yang bertanggungjawab memberikan ajaran agama yang sempurna supaya anak tersebut kekal di atas fitrah Islamnya. Maka tanggungjawab ibu bapa memastikan anak-anak dibesarkan, dibimbing dan diberikan pendidikan yang merangkumi pembentukan akal, jasmani, rohani, akhlak dan sosial agar mereka mampu dalam menangani cabaran tersebut dengan baik.

Oleh: Mohamad Fuad Bin Haji Ishak,
Penyayarah Jabatan Pendidikan Islam, Fakulti
Pendidikan KUIS

Umumnya ulama bersetuju bahawa pendidikan anak-anak mestilah bermula dari zaman awal kelahiran mereka. Segala apa yang dilihat dan didengari oleh seorang kanak-kanak dari persekitarannya adalah merupakan satu pendidikan baginya. Oleh itu, Islam menekankan pembentukan sahsiah seorang kanak-kanak melalui teladan ibu bapanya.

Sheikh Abdullah Nasih 'Ulwan dalam bukunya Tarbiyatul Awlad fil Islam menyenaraikan beberapa tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Antaranya ialah Pendidikan Keimanan. Iman merupakan asas kepada segala ibadah bahkan asas segala kebaikan. Anak-anak mesti diajar kefahaman jelas tentang Islam, diajar mengenai Tuhan dan Rasul diajar su-

tanggungjawab memberi pendidikan akhlak kepada anak-anak. Pendidikan akhlak ialah himpunan nilai-nilai murni atau sifat yang terpuji diajarkan kepada anak-anak sebaik sahaja mereka boleh memahami dan mencapai umur mumayiz. Konsep akhlak dalam Islam ialah ianya mencerminkan kualiti iman yang ada pada seseorang individu yang menyedari bahawa segala perbuatannya akan mendapat balasan hari kemudian. Anak-anak mesti diajar akhlak individu seperti berpuas hati, sabar, bersyukur dan diajar akhlak bermasyarakat seperti benar, penyantun, amanah, toleransi, merendah diri dan menepati janji. Sabda Nabi yang bermaksud: "Keajaiban bagi seorang Muslim dalam urusannya, sesungguhnya semua urusannya adalah baik belaka. Ini hanyalah untuk mukmin sahaja. Jika berada di dalam kegembiraan dia bersyukur, jika ditimpai musibah dia bersabar" (Riwayat Muslim).

Pendidikan Jasmani, Ibu bapa bukan sahaja bertanggungjawab memastikan kelebihan islamai kepada anak-anak

menghilangkan penat. Mencegah mereka dari bermain dan memaksa mereka belajar sepanjang hari akan menyebabkan hati mereka mati dan akan mengganggu kecerdasan akal mereka. Seterusnya ialah Pendidikan Akal. Ia bermaksud mengajarkan anak-anak mengenai ilmu-ilmu bermanfaat dan dibenarkan oleh Islam. Anak-anak perlu dibekalkan dengan dua cabang ilmu: ilmu agama dan ilmu dunia. Ilmu agama sebagai tuntutan seorang Muslim dan ilmu dunia sebagai memenuhi tuntutan kehidupan. Dalam proses pendidikan ini ibu bapa perlu mengambil kira ilmu yang dianggap fardhu ain dan fardhu kifayah dan mengamalkan pendekatan awlawiyah atau keutamaan dalam pengajaran kepada mereka. Pendidikan Kemasyarakatan diperlukan dalam diri anak-anak. Antara nilai-nilai kemasyarakatan tersebut seperti kasih sayang, berlaku adil, bertaqwa, menghubungkan silaturahim dan lemah lembut. Selain itu, ibu bapa juga perlu mengajar anak-anak untuk menjaga hak-hak orang lain. Hak-hak yang perlu dijaga ialah hak-hak kedua-dua ibu bapa, hak kaum kerabat yang terdekat, hak-hak jiran, hak-hak guru, hak-hak sahabat atau rakan dan hak-hak orang-orang yang lebih tua dari mereka. Selain menyempurnakan hak-hak orang lain, ibu bapa bertanggungjawab mengajar

kan anak-anak adab-adab dalam pergaulan. Pendidikan emosi (jiwa) juga penting untuk membiasakan anak-anak dengan sifat-sifat terpuji dan memastikan mereka terpisah dari sifat-sifat buruk yang boleh mempengaruhi emosi mereka. Terdapat lima perkara ibu bapa perlu awasi dan hindarkan dari anak-anak berkaitan pendidikan emosi ini iaitu malu bukan pada tempatnya, takut bukan pada yang hak rendah diri sehingga menghilangkan motivasi, dendki dan marah.

Secara kesimpulannya, Pendidikan anak-anak merupakan satu usaha yang memerlukan pengorbanan dari ibu bapa. Ibu bapa terlebih dahulu perlu menjadi tauladan yang baik supaya menjadi ikutan anak-anak. Anak-anak adalah cermin kepada ibu bapa.

Al-Qur'an mengingatkan ibubapa akan tugas mereka yang amat penting seperti yang disebut dalam surah al-Tahrim ayat 6 "Wahai orang-orang yang beriman perliharalah diri-diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka" dan di dalam surah al-Anfal ayat 28 ibubapa juga diingatkan supaya berwaspada dengan keluarga dengan firmanya "Sesungguhnya harta-harta kamu dan anak-anak kamu adalah ujian" ujian yang menguji ibubapa adakah mereka menunaikan tanggungjawab dan memberikan kepada anak-anak hak mereka yang sepatutnya. **Edisi**

